

FIMM saran pengecualian cukai dana Islam dilanjut

KUALA LUMPUR 6 Okt. - Persekutuan Pengurus-Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) berharap kerajaan dapat melanjutkan langkah pengecualian cukai bayaran pengurusan dana Islam selama tiga tahun lagi dalam Bajet 2016.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Nazaruddin Othman berkata, pengecualian cukai berkenaan adalah antara faktor utama yang melonjakkan industri dana Islam di Malaysia sejak diperkenalkan pada 2008.

Langkah pengecualian cukai semasa yang meliputi 25 peratus cukai korporat itu akan ditamatkan

menjelang 2016. "Peratusan dana Islam berbanding jumlah nilai aset bersih (NAV) masih rendah iaitu pada kadar 14 peratus. Justeru, kita masih ada peluang untuk mengembangkan lagi dana Islam ini.

"Malah, kadar pertumbuhan dana Islam ternyata lebih baik berbanding konvensional sejak tiga hingga empat tahun lepas dan meningkat kira-kira 14-16 peratus setahun berbanding kira-kira 10 peratus bagi konvensional," katanya pada sidang akhbar di Konvensyen Tahunan FIMM di sini hari ini.